

**KEBERKESANAN KAUNSELING KELOMPOK BERSTRUKTUR
DALAM MENINGKATKAN KECERDASAN EMOSI (*EMOTIONAL
INTELLIGENCE*) REMAJA**

NUR FARAHAZAWANAH BT. ALI

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian
(Kaunseling)

Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2008

Projek bertajuk Keberkesanan Kaunseling Kelompok Berstruktur dalam Meningkatkan Kecerdasan Emosi (*Emotional Intelligence*) Remaja telah disediakan oleh Nur Farahzawanah bt. Ali dan telah diserahkan kepada Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian Kaunseling.

Diterima untuk diperiksa oleh:

Salmah bt Mohamad Yusoff

Tarikh:

Gred



Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia

**KEBERKESANAN KAUNSELING KELOMPOK BERSTRUKTUR
DALAM MENINGKATKAN KECERDASAN EMOSI (*EMOTIONAL
INTELLIGENCE*) REMAJA**

Nur Farahzawanah bt. Ali

**Kota Samarahan
2008**

PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan selamat sejahtera.

Ku panjatkan kesyukuran kepada Tuhan Yang Maha Esa kerana dengan limpahan rahmat dan nurNya dapat kusiapkan kajian ini. Setinggi-tinggi penghargaan kepada penyeliaku, Pn. Salmah Mohamad Yusoff yang sentiasa memberikan tunjuk ajar, bimbingan dan perkongsian maklumat. Penghargaan juga diberikan kepada ibuku Arbaiyah Jumaat yang tidak putus-putus mencurahkan kasih sayang dan mendoakan kejayaan untuk anak-anaknya serta arwah ayahku Ali Othman yang menjadi pendorong untukku berjaya. Kakakku Nur Farahfadilah dan teman tersayang Muhammad yang sentiasa memberikan sokongan, walaupun jauh di mata, sentiasa dekat di sudut hatiku.

Ucapan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuanganku yang bersama-sama mengharungi pahit manis dalam menyiapkan kajian ini iaitu Tan Mei Jian, Suhaiton, Nuraidah, Siti Nurain dan Noor Hafizon serta rakan-rakan sekuliah yang banyak memberi pandangan membina kepada diriku ini. Tidak lupa kepada ahli-ahli kolompok rawatan yang memberiku semangat untuk meneruskan perjuangan ini sehingga ke penghujungnya. Kalian secara tidak langsung mengajarku dan mencabarku untuk melakukan yang terbaik.

Sekalung penghargaan ditujukan kepada pakar-pakar yang terlibat dalam kajian ini iaitu En. Rizal Abu Bakar, Mr. Gladding dan Mr. Shuttle kerana sudi meluangkan masa untuk menilai modul hasil usahaku dan rakan-rakan.

Jutaan terima kasih juga ditujukan kepada SMK Kota Samarahan yang memberi sumbangan kepada dapatan kajianku. Penghargaan kepada kaunselor SMK Kota Samarahan yang meluangkan masa untuk membantuku dalam kajian ini iaitu Pn. Wong dan Pn. Noor. Tidak lupa ku hulurkan penghargaan kepada individu-individu yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam pelaksanaan kajianku. Segala jasa baik dan bakti yang kalian berikan tidak dapatku balas, hanya ucapan terima kasih dan sejuta penghargaan sahaja yang mampu berikan.

Tersusun makna madah kiasan,
Menyusuri memori tanpa henti,
Jasa dan budi tidakku lupakan,
Sentiasa tersemat di dalam hati.

Wassalam.

JADUAL KANDUNGAN\

Penghargaan	iii
Jadual Kandungan	iv
Senarai Jadual	viii
Senarai Rajah	x
Abstrak	xi
<i>Abstract</i>	xii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.0	Pengenalan1	1
1.1	Latar Balakang Kajian	1
1.2	Pernyataan Masalah	6
1.3	Objektif Kajian	8
	1.3.1 Objektif Umum	8
	1.3.2 Objektif Khusus	9
1.4	Kerangka Konseptual Kajian	9
1.5	Hipotesis Kajian	10
1.6	Kepentingan Kajian	12
1.7	Definisi Istilah	
	1.7.1 Kaunseling Kelompok Berstruktur	13
	1.7.2 Kecerdasan Emosi	13
	1.7.3 Persepsi Emosi (<i>perception of emotions</i>)	14
	1.7.4 Pengurusan emosi diri (<i>managing emotions in self</i>)	15
	1.7.5 Pengurusan emosi orang lain (<i>managing others' emotions</i>)	15
	1.7.6 Penggunaan emosi (<i>utilizing of emotions</i>)	15
	1.7.7 Remaja	16
	1.7.8 Modul	16
1.8	Limitasi Kajian	17
1.9	Rumusan	18

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.0	Pengenalan	19
2.1	Kaunseling kelompok	20
	2.1.1 Kelompok <i>Psychoeducational</i>	25
	2.1.2 Kaunseling Kelompok Remaja	28
	2.1.3 Teori-teori Kaunseling	31
	2.1.3.1 Terapi <i>Rational Emotive Behavior</i> (REBT)	32

	2.1.3.2 Teori Tingkah Laku	34
	2.1.3.3 Teori <i>Gestalt</i>	38
2.2	Kecerdasan emosi	40
2.3	Remaja	45
2.4	Modul	47
2.5	Kajian–kajian Lepas yang Mengkaji Tentang Kaunseling Kelompok dan Keberkesanannya; Konteks Luar Negara	49
2.6	Kajian–kajian Lepas yang Mengkaji Tentang Kaunseling Kelompok dan Keberkesanannya; Konteks Dalam Negara	53
2.7.1	Kajian–kajian lepas yang Mengkaji Tentang Kecerdasan Emosi; Konteks Luar Negara	57
2.8	Kajian–kajian lepas yang Mengkaji Tentang Kecerdasan Emosi; Konteks Dalam Negara	59
2.9	Rumusan	61

BAB 3 METODOLOGI

3.0	Pengenalan	62
3.1	Reka bentuk Kajian	63
	3.2.1 Kerangka Kajian	65
3.2	Populasi dan Sampel Kajian	66
3.3	Kelompok Rawatan dan Kelompok Kawalan	67
3.4	Bilangan Sesi Kaunseling Kelompok	67
3.5	Lokasi Kajian	69
3.6	Instrumen Kajian	69
	3.6.1 <i>Schutte Self-Report Inventory (SSRI)</i>	69
	3.6.2 Pentadbiran SSRI	70
	3.6.3 Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Ukuran SSRI	70
	3.6.4 Pengukuran SSRI	70
3.7	Instrumen Rawatan	71
	3.7.1 Modul Meningkatkan Kecerdasan Emosi	71
	3.7.2 Berkenalan	72
	3.7.3 Persepsi Emosi 1	73
	3.7.4 Persepsi Emosi 2	74
	3.7.5 Pengurusan Emosi Diri 1	74
	3.7.6 Pengurusan Emosi Diri 2	75
	3.7.7 Pengurusan Emosi Orang Lain 1	76
	3.7.8 Pengurusan Emosi Orang Lain 2	76
	3.7.9 Penggunaan Emosi 1	77
	3.7.10 Penggunaan Emosi 2	77

	3.7.11 Penamatan	78
3.8	Prosedur Kajian	78
3.9	Analisis Data	79
	3.9.1 Analisis Data Secara Manual	79
	3.9.2 Analisis Data Secara Perisian Komputer SPSS 15.0	79
3.10	Pembinaan Item Kesahan Kebolehpercayaan	80
3.11	Analisis Kesahan	81
3.12	Analisis Kebolehpercayaan	83
3.13	Rumusan	84

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.0	Pengenalan	85
4.1	Hasil Ujian Hipotesis	86
	4.1.1 Hipotesis Nul Pertama	86
	4.1.2 Hipotesis Nul Kedua	88
	4.1.3 Hipotesis Nul Ketiga	90
	4.1.4 Hipotesis Nul Keempat	92
	4.1.5 Hipotesis Nul Kelima	94
4.2	Ringkasan Dapatan Kajian	96
4.3	Hasil Temu Bual	99
4.4	Perbincangan Dapatan Kajian Berdasarkan Kajian Lepas	108
4.5	Perbincangan Dapatan Kajian Berdasarkan Teori	110
4.6	Perbincangan Kesahan Alat Ukur Modul	112
4.7	Perbincangan Kesahan Modul Kecerdasan Emosi	113
4.8	Perbincangan Kebolehpercayaan Modul	116
4.9	Justifikasi Pemilihan Kesahan dan Kebolehpercayaan	117
4.10	Limitasi dalam Penentuan Kesahan dan Kebolehpercayaan	118
4.11	Rumusan	119

BAB 5 RUMUSAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0	Pengenalan	120
5.1	Rumusan Kajian	121
5.2	Kesimpulan Kajian	122
5.3	Cadangan	124
	5.3.1 Cadangan Kepada Pengkaji Akan Datang	124
	5.3.2 Cadangan Kepada SMK Kota Samarahan	126
	5.3.3 Cadangan Kepada Kementerian Pelajaran	128
	5.3.4 Cadangan Kepada Bidang Kaunseling	128
5.4	Rumusan	129

BIBLIOGRAFI	130
LAMPIRAN	135
<i>Schutte Self-Report Inventory (SSRI)</i>	
Borang Kesahan Alat Ukur Modul	
Persetujuan Pemberitahuan	
Modul Kecerdasan Emosi Remaja	
Dapatan	
Ujian- <i>t</i> Kelompok Rawatan	
Ujian- <i>t</i> Kelompok Kawalan	
Kesahan Alat Ukur Modul	
Kebolehpercayaan Modul	
Surat dari Kementerian Pelajaran	
Surat dari Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak	

SENARAI JADUAL

Jadual 1.0 Sesi Kaunseling Kelompok Mengikut Unit dan Komponen dalam SSRI.	68
Jadual 2.0 Tahap kecerdasan emosi mengikut skor.	71
Jadual 3.0 Tahap Keberkesanan modul mengikut skor.	81
Jadual 4.0 Min bagi ujian pra dan pasca persepsi emosi kelompok rawatan dan kelompok kawalan.	86
Jadual 4.1 Keputusan Analisis Ujian- <i>t</i> jenis pengukuran berulang persepsi emosi kelompok rawatan dan kelompok kawalan.	87
Jadual 5.0 Min bagi ujian pra dan pasca pengurusan emosi diri kelompok rawatan dan kelompok kawalan.	88
Jadual 5.1 Keputusan Analisis Ujian- <i>t</i> jenis pengukuran berulang pengurusan emosi diri kelompok rawatan dan kelompok kawalan.	89
Jadual 6.0 Min bagi ujian pra dan pasca pengurusan emosi orang lain kelompok rawatan dan kelompok kawalan.	90
Jadual 6.1 Keputusan Analisis Ujian- <i>t</i> jenis pengukuran berulang pengurusan emosi diri kelompok rawatan dan kelompok kawalan.	91
Jadual 7.0 Min bagi ujian pra dan pasca penggunaan emosi kelompok rawatan dan kelompok kawalan.	92
Jadual 7.1 Keputusan Analisis Ujian- <i>t</i> jenis pengukuran berulang penggunaan emosi kelompok rawatan dan kelompok kawalan.	93

Jadual 8.0	94
Min bagi ujian pra dan pasca kecerdasan emosi keseluruhan kelompok rawatan dan kelompok kawalan.	
Jadual 8.1	95
Keputusan Analisis Ujian- <i>t</i> jenis pengukuran berulang kecerdasan emosi keseluruhan kelompok rawatan dan kelompok kawalan.	
Jadual 9.0	96
Ringkasan Dapatan Kajian	
Jadual 10.0	103
Hasil temu bual bersama ahli kelompok rawatan	
Jadual 11.0	113
Korelasi antara skor sub modul dengan jumlah skor	
Jadual 12.0	114
Nilai <i>Alpha Cronbach</i> setiap sub-sub modul	

SENARAI RAJAH

Rajah 1.0 Kerangka Konseptual	9
Rajah 2.0 Proses Perkembangan Ahli Kelompok Berdasarkan Tingkap Johari	25
Rajah 3.0 Reka bentuk Kawalan Rawak, Ujian Pra, Ujian Pasca (Eksperimen Quasi)	64
Rajah 4.0 Kerangka Kajian	65
Rajah 5.0 Rumus Kesahan Kandungan (Penilaian Pakar)	83

ABSTRACT

EFFECTIVENESS OF STRUCTURED GROUP COUNSELING IN IMPROVING ADOLESCENTS' EMOTIONAL INTELLIGENCE

Nur Farahzawanah Bt Ali

This research was conducted to determine the effectiveness of structured group counseling in improving adolescents' emotional intelligence. Research samples are 12 form four students of SMK Kota Samarahan. Samples were divided by two groups, treatment and control groups which consist of 3 boys and 3 girls respectively. This research used quasi experimental method. Schutte Self-Report Inventory (SSRI) was used to determine the levels of emotional intelligence. the treatment group has gone through 10 structured group counseling sessions that used emotional intelligence's module. Research also determined validity and reliability of the module that was developed by the researcher. T-test was used to test the comparison between pre and post. The findings showed that there are significant differences in the level of emotional intelligence in treatment group. The findings also showed that the module used in group counseling has high values of validity and reliability.

ABSTRAK

KEBERKESANAN KAUNSELING KELOMPOK BERSTRUKTUR DALAM MENINGKATKAN KECERDASAN EMOSI (*EMOTIONAL INTELLIGENCE*) REMAJA

Nur Farahzawanah bt. Ali

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji keberkesanan kaedah kaunseling kelompok berstruktur dalam meningkatkan kecerdasan emosi remaja lelaki dan perempuan. Sampel kajian terdiri daripada 12 orang pelajar tingkatan empat SMK Kota Samarahan. Sampel dibahagikan kepada dua kelompok iaitu kelompok rawatan dan kelompok kawalan yang masing-masing terdiri daripada 3 orang remaja lelaki dan 3 orang remaja perempuan. Kajian menggunakan kaedah eksperimen kuasi. *Schutte Self-Report Inventory* (SSRI) merupakan instrumen yang digunakan untuk menilai tahap kecerdasan emosi. Kelompok rawatan telah mengikuti 10 sesi kaunseling kelompok berstruktur yang menggunakan modul kecerdasan emosi. Kajian turut menguji kesahan dan kebolehpercayaan modul kecerdasan emosi yang dibangunkan oleh pengkaji. Ujian-*t* digunakan untuk menguji perbandingan keputusan ujian pra dan ujian pasca. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan pada keseluruhan kecerdasan emosi kelompok rawatan. Hasil pengujian kesahan dan kebolehpercayaan modul menunjukkan modul kecerdasan emosi yang digunakan untuk kaunseling kelompok mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Bab ini membicarakan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, kerangka konseptual, hipotesis kajian, kepentingan kajian, definisi istilah dan limitasi kajian.

1.1 Latar belakang kajian

Kaunseling merupakan proses hubungan pertolongan yang sistematik berdasarkan prinsip-prinsip psikologi yang dilaksanakan oleh kaunselor berdaftar mengikut kod

etika amalan kaunseling untuk mencapai perubahan, kemajuan dan penyesuaian yang menyeluruh dan sukarela kepada diri klien supaya perubahan tersebut akan berterusan sepanjang hayat klien (Lembaga Penyelidikan Undang-undang, 2005). Gibson dan Mitchell (1999), pula menyatakan kaunseling ialah kemahiran dan proses yang berbeza daripada memberi nasihat dan mengarah. Kaunseling lebih kepada mendengar dengan empati serta berminat untuk membantu individu lain. Kaunseling merupakan proses interaksi yang lebih bermakna yang dapat memberikan kefahaman, membimbing individu menghadapi, mengetahui, dan menerima secara terbuka apa juga teguran tentang sikap, nilai, tingkah laku dirinya sendiri serta berinteraksi dengan orang lain dengan lebih sempurna (Muhd. Mansur Abdullah & Siti Nordinar Mohd. Tamin, 1993).

Kaunseling kelompok merupakan salah satu daripada cabang kaunseling. Kaunseling kelompok bermanfaat kepada sesetengah matlamat, tetapi terdapat beberapa limitasi. Antara limitasinya ialah individu yang berada dalam keadaan yang kurang stabil serta memerlukan perkhidmatan kaunseling segera dan dalam kes kecemasan seperti keinginan membunuh diri, tidak sesuai mengikuti kaunseling kelompok. Tujuan kelompok kaunseling dijalankan ialah untuk membantu individu memahami dan menangani masalah mereka (Sederholm, 2003).

Kaunseling kelompok kurang sesuai dijalankan untuk masalah persendirian seperti rendah keyakinan diri, kerisauan tentang peperiksaan, pengasingan dan sebagainya melainkan berserta sesi kaunseling individu (Sederholm, 2003). Menurut Sederholm (2003), kaunseling kelompok bermanfaat untuk beberapa tujuan iaitu memberi pengetahuan tentang sesuatu isu melalui tugas (penyalahgunaan dadah), latihan untuk beberapa kaedah (teknik belajar), meningkatkan pemahaman kepada situasi (masalah kewangan), mengenal pasti keperluan pelajar dan

perbezaan keperluan perempuan dan lelaki dan untuk mewujudkan sistem sokongan untuk pelajar (masalah belajar).

Kaunseling kelompok menggalakkan interaksi antara ahli kelompok dan menerima maklum balas dari ahli sebagai pembelajaran (Peterson, Sampson & Reardon, 1991). Ahli mendapat lebih manfaat daripada kelompok yang berkongsi keperluan yang sama (Peterson et al., 1991). Kaunseling kelompok amat sesuai kerana kos yang efektif, mengajar klien strategi penyelesaian masalah dan kemahiran-kemahiran interpersonal yang boleh mempercepatkan perubahan klien itu sendiri (Corey & Corey, 2006).

Isu-isu yang dibincangkan dalam kaunseling kelompok ialah seperti peningkatan konsep sendiri (Ruhayati Idayu Borhan, 2004), meningkatkan sanjungan sendiri (*self-esteem*) (Margot, May, Housley & Warren, 2007) dan peningkatan pencapaian akademik (Barnnigan, 2007). Salah satu isu yang boleh dibincangkan dalam kelompok ialah kecerdasan emosi (*Emotional Intelligence*). Menurut Eysenck (1995 di dalam Lyusin, 2006), idea kecerdasan emosi lahir daripada konsep kecerdasan sosial, yang telah dibangunkan oleh Thorndike, Guilford dan model kecerdasan emosi mula-mula diperkenalkan oleh Peter Salovey dan John Mayer. Kecerdasan emosi dipopularkan oleh Daniel Goleman pada 1995 melalui buku yang diterbitkannya. Salovey dan Mayer (1990 dalam Rahim & Minors, 2003), mendefinisikan kecerdasan emosi sebagai kebolehan untuk mengetahui perasaan sendiri dan perasaan orang lain yang membezakan antara individu dengan individu yang lain dan menggunakan maklumat untuk mengawal pemikiran dan tingkahlaku individu.

Kecerdasan emosi menyumbang kepada kejayaan individu dan ada masanya lebih penting daripada *Intelligence Quotient* (IQ) (Woitaszewski, Scott, Aalsma, Matthew & Roeper, 2004). Antara sumbangan *Emotional Intelligence* (EI) kepada

individu ialah peningkatan dalam proses pembelajaran, kurang agresif, membuat keputusan dengan lebih bijak dan beberapa ciri lain yang menjurus ke arah kehidupan yang cemerlang (Woitaszewski et al., 2004). Kecerdasan emosi juga menjadi sumber motivasi kepada seseorang individu untuk mencapai kejayaan dan mempunyai kebolehan mengendalikan hubungan sosial secara lebih berkesan (Dulewicz & Higgs, 2000).

Sesi kaunseling kelompok yang dijalankan untuk kajian ini, merupakan sesi kelompok berstruktur. Ini bermakna, terdapat modul yang disediakan untuk setiap sesi. Modul merupakan set pengajaran yang meliputi semua aspek pembelajaran (Husen & Postlethwaite, 1985 dalam Sidek Mohd Noah & Jamaludin Ahmad, 2005). Kamdi Kamil (1990 dalam Sidek Mohd Noah & Jamaludin Ahmad, 2005) mendefinisikan modul sebagai pekej pengajaran yang lengkap dan mengandungi komponen yang disusun secara teratur seperti objektif, bahan dan aktiviti pengajaran, aktiviti penilaian dan arahan supaya pelajar dapat mengikuti dengan mudah. Siti Hawa Mohamad Yusof (2007), Jenau Pawan (2007), Sapora Sipon (2007) dan Kamurudin Ahmad Junaidi (2004) merupakan antara pengkaji yang telah pengkaji keberkesanan kaunseling kelompok berstruktur.

Sesi kelompok berstruktur mempunyai perancangan sesi. Perancangan yang khusus untuk setiap sesi melibatkan penentuan topik yang dibincangkan dan aktiviti yang dijalankan dalam kelompok, meliputi masa yang diperuntukkan untuk aktiviti tersebut (Jacobs, Masson & Harvill, 2006). Perancangan penting agar ahli memahami tujuan sesi kaunseling dijalankan dan bersedia untuk mengikuti sesi (Jacobs et al., 2006). Kelompok memerlukan perancangan sesi apabila ahli tidak membincangkan isu dalam kelompok tetapi lebih kepada memberi respon terhadap aktiviti atau latihan yang telah dirancang oleh pemimpin kelompok (Jacobs et al., 2006).

Perancangan sesi untuk kajian ini berbentuk modul dan kesahan serta kebolehpercayaan modul ini ditentukan setelah sesi kelompok kaunseling tamat. Kesahan modul ialah keupayaan sesebuah modul yang telah dibina dapat mengukur dengan tepat dan teratur (Sidek Mohd Noah & Jamaludin Ahmad, 2005). Manakala menurut Sidek Mohd Noah dan Jamaludin Ahmad (2005), kebolehpercayaan modul merupakan prosedur yang teratur agar sesuatu modul memperolehi dapatan yang konsisten walaupun pada waktu yang berbeza.

Kumpulan sasaran untuk kajian ini ialah golongan remaja. Remaja ialah satu jangka masa perkembangan antara alam kanak-kanak dan alam dewasa (Rice & Dolgin, 2005). Proses peralihan dari satu peringkat ke satu peringkat yang lain beransur secara perlahan-lahan dan tanpa disedari serta berbeza antara setiap individu, akhirnya remaja akan menjadi seorang dewasa yang matang (Rice & Dolgin, 2005). Alam remaja juga dilihat sebagai satu laluan yang menghubungkan alam kanak-kanak dan alam dewasa yang perlu dilalui oleh setiap individu sebelum mereka matang sepenuhnya serta boleh memikul tanggungjawab (Rice & Dolgin, 2005).

Berdasarkan peringkat psikososial yang diperkenalkan oleh Erik Erikson, remaja berada pada peringkat *identity versus identity confusion*. Pada peringkat ini, remaja berada dalam proses membentuk identiti diri yang sesuai dengan mereka (Schultz & Schultz, 1998). Remaja yang gagal membentuk identiti diri yang positif akan terjerumus dalam krisis identiti (Schultz & Schultz, 1998). Oleh itu, pemilihan rakan pada peringkat ini penting kerana rakan-rakan memberikan pengaruh paling kuat kepada remaja.

Secara kesimpulannya, kecerdasan emosi mempengaruhi kehidupan seharian dan boleh dijadikan isu untuk dibincangkan dalam kaunseling kelompok. Peningkatan kecerdasan emosi remaja dapat membantu golongan ini mencapai kejayaan dalam

akademik dan sahsiah. Kaunseling kelompok yang bertujuan untuk meningkatkan kecerdasan emosi remaja memerlukan modul yang sesuai agar matlamat kelompok tercapai.

1.2 Pernyataan masalah

Individu menyangka masalah yang mereka hadapi adalah unik, oleh itu mereka tidak dapat memikirkan alternatif untuk keluar daripada masalah tersebut (Corey & Corey, 2006). Ini menyebabkan klien tidak dapat berfungsi dengan baik dalam kehidupan mereka. Corey dan Corey (2006), berpendapat bahawa kelompok dapat membantu klien untuk berfikir secara kreatif dan menemukan jalan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Berdasarkan kajian-kajian lepas, kaunseling kelompok telah diaplikasikan secara meluas dan diakui berkesan untuk dijalankan kepada pelbagai klien dan isu (Cooper, 1987). Populasi yang telah dibantu dalam kaunseling kelompok ialah para remaja perempuan (Margot et al., 2007), pelajar sekolah (Barnnigan, 2007), dan kanak-kanak (Sonstegard & Bitter, 1998). Jacobs et al. (2006) menyatakan bahawa, kaunseling kelompok merupakan medium bagi ahli-ahli kelompok berlatih kemahiran dan tingkah laku yang baru sebelum mengaplikasikannya dalam situasi kehidupan sebenar.

Selain itu, antara isu yang dibincangkan dalam kaunseling kelompok adalah seperti isu kemurungan, kebimbangan, perkembangan kerjaya, masalah ketagihan alkohol dan pembangunan personal. Isu-isu tersebut telah dikendalikan dengan jayanya melalui kaunseling kelompok (Cooper, 1979). Kajian terbaru yang dijalankan oleh Jenau Anak Pawan (2007) dan Siti Hawa Mohd Yusof (2007) mendapati kaunseling kelompok berstruktur dapat meningkatkan konsep sendiri dalam kalangan anak yatim yang berumur antara 12 hingga 17 tahun. Kajian ini melihat

dari perspektif yang sama iaitu keberkesanan kaunseling kelompok tetapi pada cabang dan sampel yang berbeza serta memberi tumpuan kepada kecerdasan emosi remaja.

Remaja lebih mempercayai dan lebih bersedia untuk berkongsi pendapat serta perasaan mereka dengan rakan sebaya berbanding dengan orang dewasa (Jacobs et al. 2006). Oleh itu, kaunseling kelompok lebih sesuai dan lebih bermanfaat dijalankan kepada golongan remaja. Melalui kelompok, remaja mendapat maklum balas daripada rakan-rakan sebaya dan sokongan yang mereka perlukan.

Golongan remaja dipilih untuk kajian ini kerana pada peringkat remaja, individu sedang mengalami ketidakstabilan emosi (Santrock, 2006). Larson dan Richards (1994 dalam Santrock, 2006), mendapati remaja mempunyai emosi yang terlalu tinggi dan terlalu rendah berbanding orang dewasa. Ini bermakna emosi remaja kerap berubah-ubah dan kurang stabil. Remaja yang tidak dapat mengawal dan menyalurkan emosi mereka dengan baik akan terlibat dengan masalah sosial. Selain itu, mereka juga akan mengalami masalah dengan ibu bapa dan adik-beradik yang lain (Santrock, 2006).

Kecerdasan emosi berhubung kait dengan perhubungan perseorangan dan hubungan dengan orang lain. Maree dan Fernandes (2003) mengatakan bahawa walaupun seseorang individu itu mempunyai potensi intelektual untuk berjaya, namun mereka akan menghadapi kesukaran untuk menangani isu-isu emosi dan mempunyai hubungan interpersonal yang kurang baik serta kurang efektif dalam membuat keputusan sekiranya memiliki kecerdasan emosi yang rendah. Kajian ini memberi fokus untuk meningkatkan kecerdasan emosi dalam kalangan remaja yang mempunyai kecerdasan emosi yang rendah dan sederhana.

Goleman (1995 dalam Woitaszewski, et al. (2004) percaya bahawa dalam sesetengah situasi, kecerdasan emosi lebih berkuasa berbanding dengan kecerdasan intelektual dalam memperbaiki pembelajaran, dapat mengurangkan agresif, pembuatan keputusan yang lebih baik dan lain-lain. Beliau juga menyatakan bahawa peningkatan kecerdasan emosi dapat mendorong ke arah kejayaan dalam setiap perkara. Ini menunjukkan kecerdasan emosi mempunyai pengaruh yang kuat dalam kehidupan seseorang individu.

Kajian yang dijalankan juga memberi tumpuan kepada kesahan dan kebolehpercayaan modul kaunseling kelompok yang dibina untuk melihat sejauh mana modul tersebut mampu membantu meningkatkan kecerdasan emosi individu terutamanya golongan remaja lelaki dan perempuan.

1.3 Objektif kajian

Kajian ini dijalankan untuk mencapai kedua-dua objektif umum dan objektif khusus.


1.3.1 Objektif Umum

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keberkesanan sesi kaunseling kelompok berstruktur dalam membantu meningkatkan kecerdasan emosi di kalangan remaja (lelaki dan perempuan) yang mempunyai kecerdasan emosi yang kurang stabil.

1.3.2 Objektif Khusus

- I. Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan skor ujian pra *Schutte Self-Report Inventory* (SSRI) dan ujian pasca SSRI antara kelompok kawalan dan kelompok rawatan selepas sesi kaunseling kelompok berstruktur dijalankan.
- II. Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan skor ujian pra dan ujian pasca bagi keempat-empat sub SSRI (*Perception of emotions, managing emotions in the self, managing others' emotions* dan *utilizing emotions*) dan skor keseluruhan SSRI bagi kelompok kawalan dan kelompok rawatan.
- III. Mengkaji kesahan dan kebolehpercayaan modul sesi kaunseling kelompok yang digunakan.

1.4 Kerangka konseptual Kajian



Rajah 1.0: Kerangka Konseptual

Rajah 1.0 merupakan kerangka konseptual bagi kajian yang dijalankan. Kajian ini ingin melihat keberkesanan kaunseling kelompok berstruktur dalam meningkatkan kecerdasan emosi (*Emotional Intelligence*) remaja. Pemboleh ubah tidak bersandar untuk kajian ini ialah sesi kaunseling kelompok berstruktur manakala pemboleh ubah bersandar ialah tahap kecerdasan emosi. Tahap kecerdasan emosi pula merangkumi empat aspek iaitu persepsi emosi diri, pengurusan emosi diri, pengurusan emosi orang lain dan penggunaan emosi. Pengkaji ingin melihat perubahan pada tahap kecerdasan emosi setelah intervensi kaunseling kelompok berstruktur dijalankan.

1.5 Hipotesis kajian

Ho1a : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor ujian pra dan ujian pasca bagi kelompok rawatan selepas pendekatan kaunseling kelompok berstruktur bagi pemboleh ubah persepsi emosi (*perception of emotions*).

Ho1b : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor ujian pra dan ujian pasca bagi kelompok kawalan selepas pendekatan kaunseling kelompok berstruktur bagi pemboleh ubah persepsi emosi (*perception of emotions*).

Ho2a : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor ujian pra dan ujian pasca bagi kelompok rawatan selepas pendekatan kaunseling kelompok berstruktur bagi pemboleh ubah pengurusan emosi diri (*managing emotions in the self*).

Ho2b : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor ujian pra dan ujian pasca bagi kelompok kawalan selepas pendekatan kaunseling kelompok berstruktur bagi pemboleh ubah pengurusan emosi diri (*managing emotions in the self*).

- Ho3a : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor ujian pra dan ujian pasca bagi kelompok rawatan selepas pendekatan kaunseling kelompok berstruktur bagi pemboleh ubah pengurusan emosi orang lain (*managing others' emotions*).
- Ho3b : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor ujian pra dan ujian pasca bagi kelompok kawalan selepas pendekatan kaunseling kelompok berstruktur bagi pemboleh ubah pengurusan emosi orang lain (*managing others' emotions*).
- Ho4a : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor ujian pra dan ujian pasca bagi kelompok rawatan selepas pendekatan kaunseling kelompok berstruktur bagi pemboleh ubah penggunaan emosi (*utilization of emotion*).
- Ho4b : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor ujian pra dan ujian pasca bagi kelompok kawalan selepas pendekatan kaunseling kelompok berstruktur bagi pemboleh ubah penggunaan emosi (*utilization of emotion*).
- Ho5a : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor ujian pra dan ujian pasca bagi kelompok kawalan selepas pendekatan kaunseling kelompok berstruktur bagi kecerdasan emosi secara keseluruhannya.
- Ho5b : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor ujian pra dan ujian pasca bagi kelompok rawatan selepas pendekatan kaunseling kelompok berstruktur bagi kecerdasan emosi secara keseluruhannya.